

27/09/1998

Gerakan reformasi mungkin ada pembiaya

MELAKA: Ahli Majlis Tertinggi Umno, Senator Datuk Ibrahim Ali mahu polis menyasat kemungkinan ada pihak yang membiayai kegiatan gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, gerakan reformasi itu sudah tentu memerlukan pembiayaan bagi menyediakan bas untuk membawa penuntut menghadiri perhimpunan haram dan poster, kain lilit kepala dan baju-t yang dipakai oleh penyokong Anwar.

"Semua ini memerlukan perbelanjaan besar dan sudah tentu ada yang membiayainya, termasuk kemungkinan syarikat yang mendapat kekayaan ketika Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri," katanya selepas majlis penerangan isu semasa anjuran Umno bahagian Selandar di Dewan Kasturi Selandar dekat sini, semalam.

Antara yang turut hadir ialah Ketua Umno bahagian Selandar, Datuk Hamdin Abdullah serta timbalannya, Kadir Daut dan bekas ahli Parlimen Batu Berendam, Tamrin Ghafar.

Ibrahim juga mendakwa Anwar ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri terbukti menjadi raja kronisme dengan ramai kenalannya dilantik memegang jawatan penting di universiti tempatan walaupun masih ada orang lain yang lebih kanan.

"Ini juga menyebabkan ramai penuntut mudah terpengaruh serta mengkritik kerajaan selepas Anwar dipecat jawatan dari kerajaan serta parti," katanya.

Selain itu, katanya, Anwar juga mengamalkan dasar nepotisme apabila ramai ahli keluarganya sekarang menjadi kaya raya.

Mengenai kenyataan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang memandang berat penahanan Anwar serta beberapa rakannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Ibrahim berkata, ini menambahkan lagi kemungkinan besar ada kuasa besar di belakang Anwar.

Katanya, kuasa besar memang tidak senang terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu tegas serta lantang bersuara dalam isu sejagat.

Beliau juga membidas sikap ramai ahli Pas yang selama ini mengecam Umno tetapi dengan tiba-tiba menyokong Anwar menghadapi masalah keruntuhan moral.

"Ini terbukti apabila 80 peratus yang menghadiri perhimpunan Anwar di Kota Bahru baru-baru dihadiri ramai ahli Pas," katanya.

(END)